

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Persatuan Kontraktor Perkhidmatan Pencucian Malaysia (MACC)** yang masih sah digunakan di bawah bidang yang berkaitan buat masa ini bagi perkhidmatan berikut :

NOMBOR TENDER	TAJUK	LESEN PENDAFTARAN	TARIKH LAWATAN TAPAK & TAKLIMAT	TARIKH JUAL	TARIKH TUTUP	HARGA DOKUMEN
UTeM/BEN/01/2017	TENDER BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN PENTADBIRAN UTAMA (CANSELORI), BANGUNAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP), FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE) DAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK) ZON 2 KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.	Sijil Kementerian Kewangan Malaysia Dan Mempunyai Kod Bidang 221001 & 221003 (Pembersihan Bangunan dan Pejabat & Mengangkat Sampah) DAN Berdaftar Dengan Persatuan Kontraktor Perkhidmatan Pencucian Malaysia (MACC)	Tarikh Lawatan Tapak 06 Mac 2017 10.00 pagi Tempat: Pejabat Pembangunan, Kampus Induk Durian Tunggal UTeM. (Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIMESTIKAN)	06 Mac 2017	27 Mac 2017	RM50.00

2. Naskah Meja Tender **UTeM/BEN/01/2017** akan dipamerkan **27 Februari 2017**, dijual mulai **06 Mac 2017** sehingga **24 Mac 2017** dan tarikh tutup tender adalah **27 Mac 2017, jam 12.00 tengahari** pada waktu pejabat di alamat seperti berikut :

HARI	WAKTU	TEMPAT
Isnin – Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan, Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka Kampus Induk
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang	76100 Durian Tunggal Melaka

3. Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam Sijil Kementerian Kewangan.
4. Petender dikehendaki membawa Sesalinan Sijil Perakuan Pendaftaran daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan sijil MACC bagi tender **UTeM/BEN/01/2017** (Salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan).
5. Dokumen tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara Tunai/Kiriman Wang/Wang Pos atau Bank Deraf atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**.
6. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan Tajuk dan No. Tender di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam Peti Tender, Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di alamat tersebut di atas sebelum atau pada tarikh tutup berkenaan. **Sebarang kelewatan tidak akan diterima.**



HAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Pencalon Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06-331 6091 / 6322 / 6093 / 6095
FAKS : 06-331 6296**